



PEJABAT DAERAH BARAT DAYA
11000 BALIK PULAU
PULAU PINANG

Tel : 04-8691104

Faks : 04-8661593

Ruj. Kami : PDTBD/KP/01/3-5/8

Tarikh : 18 September 2012

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang : 221001 dan 221002** dalam bidang perkhidmatan untuk menyertai sebutharga berikut:-
SEBUTHARGA NO. : 01/2012
NAMA PROJEK : SEBUTHARGA PERKHIDMATAN BAGI KERJA- KERJA PEMBERSIHAN 2 BLOK BANGUNAN PEJABAT DAERAH (BARU DAN LAMA), TANDAS, SURAU DAN KAWASAN KAKI LIMA BANGUNAN, PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG BAGI TEMPOH 1 NOVEMBER 2012 HINGGA 31 OKTOBER 2014 (2 TAHUN)
2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebutharga diminta berkumpul **Hadapan Kaunter Utama PDTDBD** pada tarikh **25 September 2012 (Selasa) jam 9.30 Pagi** untuk sesi taklimat. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dengan harga RM10.00 secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai (selepas taklimat tapak). Bayaran boleh dibuat secara kad kredit atau CIMB clicks.
3. Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang melawat tapak sahaja. Wakil syarikat adalah **tidak dibenarkan**. Syarikat yang menyertai lawatan tapak hendaklah membawa **salinan asal sijil MOF, sijil Pendaftaran Syarikat dan Resit Pendaftaran e-Perolehan yang terkini**. Syarikat yang gagal mematuhi syarat di atas **tidak akan dibenarkan** menyertai lawatan tapak dan memasuki sebutharga.
4. Sebutharga yang lengkap beserta salinan **Sijil MOF, sijil Pendaftaran Syarikat, Resit pembelian sebutharga dan Penyata Bank Terkini** hendaklah dimasukkan dalam peti sebutharga di Bahagian Pembangunan PDBD selewat-lewatnya pada **1 Oktober 2012 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengahari**.
5. Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya tidak tertakluk menerima mana- mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat ini berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>


(ROSLI BIN HALIM)

Ketua Penolong Pegawai Daerah (KP).
b.p Pegawai Daerah
Daerah Barat Daya,
PULAU PINANG